

Tiada Diskaun kompaun JPJ

DENGKIL : Tiada sebarang tawaran diskaun akan diberikan terhadap mana-mana notis kompaun dikeluarkan Jabatan Pengangkutan Jalan(JPJ) bagi kesalahan lalu lintas. Menteri Pengangkutan,Anthony Loke, berkata dasar tiada diskaun itu adalah tidak bermusim dan diteruskan sepanjang masa, bukan hanya ketika musim perayaan seperti sebelum ini, bagi menurunkan kadar kemalangan jalan raya."Kalau pesalah ini hendak marah Menteri Pengangkutan, marahlah.Saya tidak kisah. Tugas saya ialah mengurangkan kemalangan jalanraya .Ini petunjuk prestasi utama (KPI) saya.

"Saya akan tetap tegas dan itu adalah dasar yang saya tetapkan dalam Kementerian Pengangkutan.Maka selepas ini, kalau kena saman JPJ, jangan tunggu diskaun lagi.

"Ini untuk mendidik rakyat bagi membanteras kesalahan jalan raya. Penguatkuasaan lebih tegas perlu diambil untuk menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia kerana jumlah kemalangan jalan raya di negara ini masih tinggi. "Purata lebih 6,000 nyawa terkorban setiap tahun, justeru langkah drastik perlu diambil, termasuk bersikap tegas terhadap pesalah lalu lintas," katanya.

Operasi bermula semalam

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan raya Sempena Perayaan Tahun Baharu Cina Peringkat Kebangsaan 2019, di sini semalam. Dalam pada itu, Loke berkata, operasi peringkat kebangsaan terbabit bermula semalam hingga 12 Februari depan."Dianggarkan kira-kira 10,000 pegawai dan anggota penguatkuasa, termasuk 6,040 daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ – 1,800) ,Jabatan Keselamatan Jalan raya (JKJR – 150), dan Jabatan serta agensi sokongan lain akan bertugas sepanjang masa dalam tempoh ops bersepadu ini untuk memastikan keselamatan dan kelancaran trafik pengguna jalan raya," katanya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 18 | 30 JANUARI 2019